



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	10/12/2019	MUKA SURAT : 41
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

## Sungai Anak Air Garam tercemar, bertukar hitam

**Seremban:** Pembuangan sisa di longkang awam di Taman Desa Rasah, di sini yang mengalir ke Sungai Anak Air Garam dipercayai menjadi punca sungai itu tercemar dan bertukar warna hitam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS) menerima aduan pada jam 9.55 pagi semalam berhubung pencemaran sungai itu sebelum ke lokasi membuat pemeriksaan.

Pihak Badan Kawal Selia Air (BKSA), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) turut hadir ke lokasi bersama memeriksa kawasan itu.

"JASNS menjalankan siasatan di beberapa lokasi antaranya di Taman Desa Rasah serta Kam-

pong Batu 3 dan mendapati berlakunya pencemaran.

"Ia dipercayai bermula dari sisa yang dibuang di longkang awam di Taman Desa Rasah sebelum memasuki Sungai Anak Air Garam menyebabkan ia bertukar hitam dan berbau," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Ditanya sekiranya sisa yang dibuang itu mengandungi bahan kimia, Veerapan berkata, pihaknya belum mengenal pasti kandungananya dan perlu menunggu laporan kimia.

"JASNS juga sedang mengambili sampel air sungai yang tercemar untuk dianalisis Jabatan Kimia Malaysia. Siasatan akan diteruskan untuk mencari punca berlakunya pencemaran ini.

"Kerja pembersihan sungai akan dilakukan secepat mungkin bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," katanya.



Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan menjalankan siasatan di beberapa lokasi Sungai Anak Air Garam berdekatan Mambau. (Foto ihsan pembaca)